

## **Pengajaran kasih sayang**

1. Kita hendaklah menyayangi pasangan hidup kita.

- Waheeda amat menyayangi suaminya, Zahid. Dia sanggup berhadapan dengan Zahid yang kuat cemburu. Apabila Zahid meninggalkan dia dan anak mereka, dia sangat sedih sehingga mengalami kemurungan.

2. Kita hendaklah mengamalkan perasaan kasih sayang untuk mempererat hubungan antara ahli keluarga.

- Raidah sanggup menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam. (PUSRAWI) Kuala Lumpur.

3. Kita perlulah menyayangi anak-anak dengan memberi kasih sayang sepenuhnya walaupun tanpa kehadiran seorang ayah.

- Waheeda amat menyayangi anaknya Izzati dengan memberi pendidikan dan kasih sayang yang sebaiknya walaupun terpaksa membesarkan anaknya seorang diri.

## **Pengajaran kegigihan yang dapat dijadikan sebagai panduan hidup / Peristiwa yang boleh dijadikan teladan**

1. Waheeda gigih mempertahankan rumah tangganya yang hampir runtuhbersama Zahid dengan membuat ujian DNA bagi membuktikan bahawa bayi yang dilahirkannya merupakan anaknya dan Zahid.

- Kita haruslah gigih dalam mempertahankan rumah tangga agar tidak musnah. Kegigihan Waheeda boleh dijadikan panduan agar pembaca gigih menegakkan kebenaran demi keharmonian keluarga.

2. Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumah tangga dan telah mula bangkit serta berusaha melupakan kenangan lalu dengan memajukan Chalet AyaSajinah.

- Walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu sebaliknya berusaha untuk kehidupan yang mempunyai masa depan.

3. Waheeda gigih mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas.

- Kita harus gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

## **Cabaran yang dihadapi oleh watak utama**

Cabaran wajahnya yang berhidung pesek menjadi ejekan kawan-kawanya di sekolah rendah sehingga menjadikan Waheeda malu akan keadaan wajahnya itu.

- Akibat gigitan dan cakaran monyet Belanda, Waheeda menjalani pembedahan rekonstruksi pada hidung dan mata di Silicon Medical Center, Singapura dengan sokongan ibunya. Akhirnya, Waheeda memiliki wajah yang lebih cantik setelah pembedahan.

Cabaran suaminya, Zahid beranggapan bahawa Waheeda mempunyai hubungan dengan lelaki lain.

- Zahid seterusnya beranggapan bahawa anak perempuan yang dilahirkan Waheeda adalah bukan hasil persetubuhan dengannya. Hal ini menyebabkan Waheeda membuat ujian DNA bagi menepis tuduhan Zahid. Akhirnya, DNA membuktikan bahawa Izzati ialah anak Zahid. Namun, Zahid masih bertindak nekad untuk menceraikan Waheeda.

## **Menyentuh perasaan simpati / Kesedihan**

Waheeda telah dimasukkan ke Hospital Normah untuk bersalin.

- Zahid tidak datang menemani Waheeda yang sakit untuk bersalin. Peristiwa ini menimbulkan simpati pembaca kerana Zahid tiada di sisi Waheeda ketika dia memerlukan kehadiran suami di sisi malah Zahid telah menuduh Waheeda bermain kayu tiga, nusyuz, ingkar dan banyak lagi.

Raidah ibu kepada Waheeda yang perasan akan perubahan yang dialami oleh anaknya. Perasaan sayang dan cinta terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram.

- Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca bahawa dalam kehidupan berumah tangga, perlu ada sikap saling mempercayai dan jujur antara satu sama lain. Perasaan sayang Waheeda terhadap suaminya menyebabkannya menjadi murung dan perlu dirawat dengan segera.

## **Kegembiraan**

Waheeda berjumpa Kembali dengan sahabat lamanya, Bazilah di Singapura dan berbual tentang kisah lama semasa di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

- Peristiwa ini menyebabkan mereka teringat akan kenangan lama yang mengembirakan dan sukar untuk dilupakan.

Waheeda berubah wajah menjadi cantik selepas beberapa lama menjalani pembedahan sehingga dipuji oleh ibudanya sahabatnya.

- Peristiwa ini menimbulkan kegembiraan kepada Waheeda kerana timbul perasaan bangga dan hilang rasa rendah diri selama ini.

## **Konflik yang dihadapi oleh Waheeda**

Penentangan hasratnya untuk menjalani pembedahan plastik pada wajahnya untuk menjadi cantik. Waheeda memberitahu ibunya, Raidah bahawa beliau ingin menjalani pembedahan plastik. Namun, bapa Waheeda tidak bersetuju kerana mengubah ciptaan Tuhan bercanggah dengan hukum agama.

- Emak Waheeda terus memujuk anaknya supaya tidak meneruskan niat yang dikehendakinya. Waheeda akur akan nasihat ibunya.

Dituduh melahirkan anak bukan daripada zuriatnya oleh Zahid.

- Waheeda membuat ujian DNA. Hasil daripada ujian tersebut membuktikan bahawa anak yang dilahirkan, iaitu Izzati merupakan anak Zahid.

## **Peristiwa yang memberikan kesedaran kepada pembaca**

Gejolak rasa Waheeda sedikit terpadam apabila mengingatkan kata-kata oleh Ustazah Ruqaiyah bahawa kecantikan hanyalah luaran, sedangkan kecantikan sebenar terletak pada hati luhur.

- Kita mestilah bersyukur dengan sesuatu yang ada pada kita.

Waheeda membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah untuk membeli chalet Iwana-Iwani yang ingin dijual oleh pemiliknya, Abdul Aziz Imran.

- Kalau kita gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

## **Nilai tanggungjawab**

Waheeda yang bertanggungjawab mengusahakan inap desa keluarganya. Dia telah menjaga inap desa tersebut sehingga berjaya memajukan dan menjadikan Tajau Emas tersohor dan menjadi pilihan pelancong di dalam dan di luar negara.

- menyebabkan dia juga berjaya dalam kerjayanya sebagai pegawai Perhubungan Awam di Hotel Flamingo dan seterusnya memajukan Aya Sajinah di Cameroon Highlands.

Emak Waheeda yang pergi ke Singapura untuk menemani Waheeda yang menjalani pembedahan kosmetik. Raidah bertanggungjawab menjaga Waheeda sepanjang pembedahan sehingga Waheeda pulih.

- seorang ibu terhadap anaknya yang amat mulia jelas terpapar dalam novel ini.